



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

KHAMIS, 24 OGOS 2023

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

24/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	CADANGAN KPWKM UNTUK MEWAJIBKAN PEMASANGAN CCTV DI SEMUA TASKA. ANDA SETUJU?	
	https://www.youtube.com/watch?v=htghnrLHqeE	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
2	PROGRAM TURUN PADANG YB HAJAH AIMAN ATHIRAH SEMPENA SAMBUTAN HARI WANITA KEBANGSAAN TAHUN 2023	
	https://www.youtube.com/watch?v=fshcUF4mEYc	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
3	MAGNUM NAMED 'COMPANY OF THE YEAR' AT THE PRESTIGIOUS SUSTAINABILITY & CSR MALAYSIA AWARDS 2023	
	https://www.thesundaily.my/spotlight/magnum-named-company-of-the-year-at-the-prestigious-sustainability-csr-malaysia-awards-2023-HE11402207	THESUNDAILY.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	'WALAU BERAT UJIAN, SAYA TETAP AKAN JAGA MEREKA'	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1002433/walau-berat-ujian-saya-tetap-akan-jaga-mereka	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	USANITA MALL BANTU PENIAGA WANITA TINGKATKAN JUALAN	
	https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2023/08/1143774/usanita-mall-bantu-peniaga-wanita-tingkatkan-jualan	BHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

24/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
6	TAK DAPAT ANAK TERUS POLIGAMI, DR SAY SEKOLAHKAN LELAKI FIKIRAN KOLOT. '60% LELAKI MALAYSIA TIDAK SUBUR'	
	https://sinarplus.sinarharian.com.my/kisah-masyarakat/tak-dapat-anak-terus-poligami-dr-say-sekolahkan-lelaki-fikiran-kolot-60-lelaki-malaysia-tidak-subur/	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	PROGRAM PUTERI BELANTARA USM, SERLAH KEPIMPINAN ANAK ORANG ASLI	
	https://www.utusan.com.my/terkini/2023/08/program-puteri-belantara-usm-serlah-kepimpinan-anak-orang-asli/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	KERETA DIGILIS LORI, WANITA MAUT NAHAS 7 KENDERAAN	
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/08/23/kereta-digilis-lori-wanita-maut-nahas-7-kenderaan/	FREEMALYSIATODAY.COM
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-maut-nahas-babit-tujuh-kenderaan-434100	ASTROAWANI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/275177/berita/semasa/wanita-maut-kenderaan-terperosok-bawah-lori	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/23/wanita-maut-kereta-dipandu-digilis-lori-dalam-nahas-tujuh-kenderaan/	KOSMO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/video/2023/08/wanita-maut-kenderaan-terperosok-bawah-treler/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/275177/berita/semasa/wanita-maut-kenderaan-terperosok-bawah-lori	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=ANWiOyYxi-8	YOUTUBE



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

24/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	KAMI MAHU WAKIL RAKYAT CAKNA MASALAH SETEMPAT	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/kami-mahu-wakil-rakyat-cakna-masalah-setempat/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	BUBUR ASYURA ERAT SILATURAHIM WARGA UMT	
	https://malaysiagazette.com/2023/08/23/bubur-asyura-erat-silaturahim-warga-umt/	MALYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
11	[VIDEO] AKSI WANITA MENARI SEPARUH BOGEL CEMARI BUKIT BINTANG	
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/23/video-aksi-wanita-menari-separuh-bogel-cemari-bukit-bintang/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	PUKUK GENERASI MUDA UNTUK TERUS HAYATI ERTI KEMERDEKAAN	
	https://malaysiagazette.com/2023/08/23/pupuk-generasi-muda-untuk-terus-hayati-erti-kemerdekaan/	MALYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
13	PEMBEDAHAN OTAK SECARA SEDAR PERTAMA BERJAYA DILAKUKAN DI HTAA	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1143827/pembedahan-otak-secara-sedar-pertama-berjaya-dilakukan-di-htaa	BHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

24/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
14	SEDEKAHKAN AL-FATIAH BUAT ACU ANAK SYURGA KAMI YANG MANJA - SURIANI	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/sedekahkan-al-fatiah-buat-acu-anak-syurga-kami-yang-manja-suriani/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	BARU 2 BULAN KELUAR PENJARA, LELAKI DITUDUH ROMPAK CUBA ROGOL WANITA	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1143847/baru-2-bulan-keluar-penjara-lelaki-dituduh-rompak-cuba-rogol-wanita-82	BHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bekas-banduan-mengaku-tidak-bersalah-rompak-cuba-rogol-warga-emas-434130	ASTROAWANI.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1002472/bekas-banduan-didakwa-cuba-rompak-rogol-warga-emas	HMETRO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/bekas-banduan-didakwa-cuba-rogol-rompak-warga-emas/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/275299/video/bekas-banduan-didakwa-cuba-rogol-rompak-warga-emas	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=-7JOpjGu5Ek	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
16	PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA CATAT PENCAPAIAN LUAR BIASA	
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/23/pelan-pembangunan-pendidikan-malaysia-catat-pencapaian-luar-biasa/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	MENGUTAMAKAN KEBAJIKAN IBADAT OKU	
	https://www.utusan.com.my/gaya/2023/08/mengutamakan-kebaikan-ibadat-oku/	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

24/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
18	WANITA THAILAND, DALANG SINDIKET PENGEDARAN DADAH ANTARA 4 DITAHAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1002482/wanita-thailand-dalang-sindiket-pengedaran-dadah-antara-4-ditahan	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
19	LAKUKAN SERANGAN SEKSUAL TERHADAP ANAK, BAPA DIPENJARA 13 TAHUN, 6 SEBATAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1002657/lakukan-serangan-seksual-terhadap-anak-bapa-dipenjara-13-tahun-6-sebatan	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	MENJEJAKI WARGA EMAS HILANG	
	https://www.buletintv3.my/nasional/menjejaki-warga-emas-hilang/	BULETINTV3.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/275219/berita/semasa/di-mana-meng-chai	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
21	'USAH PERBESAR ISU REMEH, TUMPU ISU WANITA LEBIH SERIUS' - SANUSI	
	https://www.sinarharian.com.my/article/275301/edisi/utara/usah-perbesar-isu-remeh-tumpu-isu-wanita-lebih-serius---sanusi	SINARHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

UKK KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

24/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
22	WARGA EMAS TAK MENGAKU CABUL CUCU TIRI	
	https://malaysiagazette.com/2023/08/23/warga-emas-tak-mengaku-cabul-cucu-tiri/	MALYSIAGAZETTE.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/23/warga-emas-didakwa-cabul-cucu-tiri-guna-objek/	KOSMO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2023/08/pengawal-keselamatan-didakwa-cabul-cucu-tiri-bawah-umur/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/275242/berita/semasa/warga-emas-didakwa-cabul-cucu-tiri-bawah-umur-guna-objek	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-didakwa-cabul-cucu-tiri-bawah-umur-guna-objek-434177	ASTROAWANI.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1002472/baru-dua-bulan-bebas-lelaki-didakwa-cuba-rogol-rompak-warga-emas	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
23	PENGASUH TULAR DERA KANAK-KANAK DIPENJARA 12 BULAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1002610/pengasuh-tular-dera-kanak-kanak-dipenjara-12-bulan	HMETRO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=0znT1VnKptg	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
24	PELAWA KERJASAMA TINGKAT KESEJAHTERAAN BANDUAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1002604/pelawa-kerjasama-tingkat-kesejahteraan-banduan	HMETRO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my


f t i kpwkm

24/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
25	FIRAS PERLU BANTUAN RM70,000 PEMBEDAHAN TULANG KAKI BENGKOK	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1144017/firas-perlu-bantuan-rm70000-pembedahan-tulang-kaki-bengkok	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
26	BATUK KOKOL: BAYI KURANG ENAM BULAN BERISIKO TINGGI DIJANGKITI - PAKAR PERUBATAN KESIHATAN AWAM	
	https://www.youtube.com/watch?v=V3Agm11BVc8	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
27	URUS RUMAH PELACURAN, 'BAPA AYAM' DIDENDA RM10,000, PENJARA SEHARI	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1002571/urus-rumah-pelacuran-bapa-ayam-didenda-rm10000-penjara-sehari	HMETRO.COM.MY



TAJUK : **DITUDUH CUBA ROGOL, ROMPAK SELEPAS 2 BULAN BEBAS PENJARA**

HARI : **KHAMIS**

AKHBAR : **BERITA HARIAN**

TARIKH : **24 OGOS 2023**

M/SURAT : **23**

TONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**



S Saaran dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Taiping, semalam.

(Foto Muhammad Zulsyamini Sufian Suri/BH)

Dituduh cuba rogol, rompak selepas 2 bulan bebas penjara

Taiping: Baru dua bulan dibebaskan dari penjara, seorang lelaki berisiko kembali ke penjara jika disabitkan bersalah atas tiga pertuduhan, termasuk cubaan merogol seorang wanita warga emas, minggu lalu.

S Saaran, 32, dibawa ke Mahkamah Sesyen di sini semalam untuk pendakwaan di hadapan Hakim Nabisha Ibrahim atas tuduhan cuba merogol seorang wanita berusia 75 tahun di ruang tamu sebuah rumah di Lorong 14 Taman Assam Maju, di sini, jam 8.30 pagi 15 Ogos lalu.

Dia dituduh mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan (KK) dibaca bersama Seksyen 511 kanun yang sama, manakala bagi pertuduhan kedua, didakwa merompak wang tunai RM10 dan rantai emas milik mangsa dengan bersenjatakan pisau pada masa, tarikh dan tempat sama.

Ketika melakukan jenayah berkenaan, dia didakwa dengan sengaja menyebabkan kecederaan ke atas wanita terbabit. Saaran juga didakwa mengikut Seksyen

394 KK dibaca bersama Seksyen 397 kanun sama yang jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan denda atau sebatan.

Bagi pertuduhan ketiga, dia dituduh pada masa, tarikh dan lokasi sama, merompak seorang lelaki berusia 55 tahun, iaitu menantu mangsa wanita, membatikan wang tunai RM5,000 serta sebuah kereta Honda dengan menggunakan senjata berbahaya sebilah pisau.

Saaran dituduh mengikut Seksyen 392 KK dibaca bersama Seksyen 397 kanun sama yang jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara sehingga 14 tahun dan denda atau sebatan. Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Syuhada Muhammad Lutfi, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Tertuduh mengaku tidak bersalah ke atas semua tuduhan dan memohon jumlah jaminan dikurangkan atas alasan dia tidak bekerja kerana baru keluar penjara dua bulan lalu.



TAJUK : KEINDAHAN ISLAM DORONG MASTURINA BERSYAHADAH

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 24 OGOS 2023

M/SURAT : 26

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Keindahan Islam dorong Masturina bersyahadah

**Tokoh Mualaf
Maal Hijrah dapat
hidayah peluk
Islam ketika
mengandung
anak bongsu**

Oleh Suraya Ali
suraya.ali@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pengalaman berdepan kegagalan dalam rumah tangga mendorong wanita mualaf, Masturina Maryam Wong, mahu mengubah nasib serta mencari erti kehidupan dan kebahagiaan sejati.

Masturina dilahirkan sebagai Katolik pernah menukar penganan agama kepada Buddha bagi mengikut agama suaminya.

Selepas perkahwinan itu gagal dan berakhir dengan perceraian, beliau cuba mencari ketenangan, namun sering menemui jalan buntu kerana beberapa soalan yang tidak ditemui jawapannya, sebelum memeluk Islam.

"Terdahulu pelbagai persoalan muncul, saya tertanya-tanya dari mana kita datang dan ke mana kita akan tuju selepas mati, mengenai syurga atau neraka.

"Dalam mendalami pelbagai agama, saya gagal mendapat ja-

wapan itu.

"Ketika itu saya anti Islam dan tak faham apa itu Islam sebenarnya.

"Saya selalu berdebat dengan kawan atau kenalan yang beragama Islam dan berusaha untuk mengkritik mereka, selain mempertikaikan banyak perkara mengenai Islam.

"Namun, bersyukur dalam perjalanan mencari kehidupan ini, Alhamdulillah kemudian saya ditemukan dengan seorang hamba Allah yang meyakinkan, memberi penjelasan mengenai cantik dan indah agama Islam.

"Selepas beberapa bulan belajar mengenai keindahan Islam dan mendalami al-Quran, saya menerima jawapannya.

"Alhamdulillah, akhirnya saya

memeluk Islam dengan bersyahadah di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), pada 27 Ogos 2014 sempena ulang tahun saya ke-40," katanya kepada BH.

Masturina yang menerima anugerah Tokoh Mualaf, sempena Maal Hijrah Peringkat Wilayah Persekutuan Tahun 1445H/2023M, baru-baru ini, terharu di ketika mengandungkan anak bongsu sembilan tahun lalu, beliau mendapat hidayah untuk memeluk Islam sekali gus anak itu juga Islam.

Selesa cara hidup Islam

Dua lagi anaknya, iaitu seorang perempuan berusia 26 tahun dan lelaki berumur 21, masih tinggal bersamanya selesa dengan cara



Masturina bersama tiga anaknya.

hidup Islam, namun berharap diberi hidayah untuk mengikutnya memeluk Islam.

Masturina kini aktif sebagai fasilitator bermula di Amaniah Mualaf Care Centre (AMCC), Masjid Amaniah, Jalan Besar Kepong, Selangor.

"Sebelum itu, saya menamatkan pengajian di Kompleks Darul Hidayah JAWI dan kemudian menjadi fasilitator AMCC dengan memberikan bimbingan dan sokongan kepada mualaf yang baharu memeluk Islam.

"Setakat ini, lebih 100 mualaf ada di sekitar Kepong. Insha-Al-

lah usaha kami membantu dari segi kebajikan mereka dan memujuk untuk datang belajar di AMCC Makep.

"Kelas pengajian untuk mualaf di AMC, Makep, disampaikan dalam bahasa Melayu, Mandarin, Kantonis dan Inggeris, jadi lebih memudahkan mereka memahami," katanya.

Baginya, mengenal Allah, memupuk rasa sayang dan mengenali Nabi Muhammad SAW dan lain mengenai Islam, wajar dilakukan secara berterusan.

"Ada segelintir masyarakat memandang serong golongan mualaf, justeru itulah peranan kami di AMCC untuk menjadi keluarga kedua mualaf yang tinggal di sekitar Kepong," katanya.


Di samping itu, beliau juga belajar Fardu Ain Asas dan al-Quran bagi mendalami ilmu itu.

"Saya juga ditawarkan sebagai tenaga pengajar bagi kelas Tahsin al-Quran di Kompleks Darul Hidayah (KDH)," katanya.

Mengenai penerimaan ahli keluarganya, beliau yang berasal dari Sibu, Sarawak, mengakui pada awalnya sebahagian mereka memulanya, namun bersyukur ketika penghujung Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lalu, mereka mula menerima keputusan memeluk Islam.



Mualaf bersama keluarga mempelajari asas Islam di Amaniah Mualaf Care Centre, Masjid Amaniah, Kepong.



TAJUK : KURANG AKSES FAKTOR IBU BEKERJA SUKAR SUSUKAN BAYI

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 24 OGOS 2023

M/SURAT : 26

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Kurang akses faktor ibu bekerja sukar susukan bayi

Kuala Lumpur: Kurang akses dan sokongan kepada ibu menyusu di tempat kerja antara faktor peratusan menyusukan bayi mereka semakin menurun.

Selain itu, tekanan sosial juga menjadi faktor peratusan ibu menyusu terus menunjukkan angka penurunan, terutama apabila anak berusia 12 bulan.

Pakar Obstetrik dan Sakit Puan Pusat Perubatan Sunway, Bandar Sunway, Dr Sharmina Kamal Shamsul Kamal, berkata di Malaysia lebih daripada 88.6 peratus bayi diberi susu ibu dalam tempoh 24 jam.

Namun, katanya, angka itu menurun dengan ketara kepada 50.6 peratus selepas bayi berusia 12 bulan.

"Antara pendorong penurunan ini adalah berkemungkinan

besar disebabkan oleh kurang akses dan sokongan kepada ibu di tempat kerja untuk menyusukan anak mereka serta tekanan sosial," katanya.

Beliau berkata, walaupun menyusukan bayi adalah proses semula jadi, ia sering membabitkan proses pembelajaran yang memerlukan ketabahan.

Satu kajian terkini mendapati, kira-kira 70.3 peratus ibu menghadapi kesulitan ketika menyusukan anak, termasuk puting terluka, persepsi bekalan susu tidak mencukupi, kesakitan dan keletihan.

"Bagi ibu berkerjaya mengimbangkan penyusuan bayi serta komitmen profesional boleh menambahkan kesukaran mereka.

"Sebagai seorang profesional dalam bidang kesihatan, saya

melihat cabaran dihadapi ibu bekerja dalam penyusuan anak.

"Namun, saya juga melihat banyak manfaat penyusuan kepada ibu dan bayi. Saya percaya setiap ibu harus diberi peluang menyusukan bayi mereka tanpa mengira situasi kerja," katanya.

Sokongan pembimbing laktasi

Justeru, katanya antara usaha boleh dilakukan bagi mengelakkan jumlah itu semakin menurun ialah dengan mendapatkan sokongan pembimbing laktasi.

Katanya, pembimbing laktasi adalah ahli kesihatan profesional yang dilatih khas untuk membantu ibu dalam proses penyusuan anak dan berperanan penting dalam membantu ibu bekerja supaya masih boleh mengatasi cabaran penyusuan

terutama masalah ketika memerah susu.

"Perunding laktasi adalah pakar penyusuan susu ibu yang boleh membantu ibu yang menghadapi pelbagai cabaran daripada kesukaran bayi untuk melekap kepada ibu kepada mastitis dan cerai susu badan.

"Mereka juga boleh memberi


kan sokongan dan ilmu penyusuan susu ibu di setiap langkah perjalanan penyusuan ibu.

"Peranan mereka ini memperkasakan ibu baharu apabila mereka melalui pengalaman transformatif sebagai ibu yang bekerja, akhirnya memberi manfaat kepada kesihatan dan kesejahteraan bayi mereka," katanya.

"Saya percaya setiap ibu harus diberi peluang menyusukan bayi mereka tanpa mengira situasi kerja"



Dr Sharmina Kamal Shamsul Kamal
Pakar Obstetrik dan Sakit Puan Pusat Perubatan Sunway, Bandar Sunway



TAJUK : REMAJA PERLU RM70,000 BEDAH TULANG BENGKOK

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 24 OGOS 2023

M/SURAT : 19

STONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Remaja perlu RM70,000 bedah tulang bengkok

Pelajar Tingkatan Satu terpaksa guna tongkat ke sekolah, hidap penyakit sejak kecil

Oleh Azhar Shahrulnizam
bhews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seorang remaja lelaki berusia 13 tahun memerlukan bantuan RM70,000 bagi pembedahan tulang bengkok pada kaki kanan yang menyebabkan dia kini menghadapi masalah

menjalankan aktiviti harian, terutama ketika di sekolah.

Menurut ibunya, Kamariah Amran, 37, berkata masalah *congenital pseudarthrosis of tibia* itu dihadapi anaknya, Muhammad Firas Adli Mohd Azlan sejak kecil.

"Ketika dilahirkan, tiada tanda anak saya mempunyai sebarang penyakit, tetapi saya ke hospital kerajaan untuk melakukan pemeriksaan selepas Firas sering jatuh ketika mula berjalan pada usia setahun.

"Walaupun kedua-dua kakinya bengkok, yang lebih kritikal adalah di sebelah kanan. Kami diberikan alat sokongan oleh pihak hospital untuk membantu Firas berjalan.

"Apabila ke sekolah, anak saya akan menggunakan tongkat," katanya menerusi panggilan video dalam talian semalam.

Kamariah berharap sumbangan orang ramai dapat membantu anaknya mendapat rawatan pembedahan berkenaan supaya dapat hidup normal seperti kanak-kanak lain.

"Saya harap pembedahan ini berjaya supaya Firas dapat kembali berjalan dengan sempurna. Kepada mereka yang ingin membantu, saya ucapkan terima kasih. Semoga kebaikan ini Allah balas kembali," katanya yang menjalankan perniagaan makanan di pasar malam dengan pendapatan RM2,000 sebulan.

Luruskan tulang kaki

Sementara itu, pakar bedah ortopedik kanak-kanak Hospital Gleneagles Kuala Lumpur, Dr Abd Razak Muhamad berkata, pembedahan ke atas Firas untuk meluruskan semula tulang kaki, membuang bahagian tulang yang tidak normal dan memasukkan implan di dalam tulang supaya ia bercantum semula.

"Selepas membuang bahagian tidak normal tulang akan menjadi pendek. Jadi sokongan *ilizarov* di luar kaki juga akan dipasang selepas satu ataupun dua bulan pembedahan, untuk proses pemanjangan tulang," katanya.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyalurkan sumbangan kepada Tabung Ke-

manusiaan Media Prima-NSTP dalam bentuk cek, dengan menukulis nama Muhammad Firas Adli Mohd Azlan pada bahagian belakang.


Sumbangan juga boleh dialamatkan ke Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Media Prima Berhad, Tingkat 4, Anjung Riong, Balai Berita, 31 Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

Sumbangan juga boleh disalurkan menerusi akaun Bank Muamalat bernombor 14010008842718 atau Maybank 514105323170 dengan menyatakan nama pesakit pada bahagian rujukan penerima atau butiran pembayaran lain.

Sumbangan kepada Tabung Ke-manusiaan Media Prima-NSTP layak mendapat pelepasan cukai.



Dr Abd Razak memberi penerangan kepada ibu bapa Firas di Hospital Gleneagles Kuala Lumpur, semalam. (Foto Amirudin Sahib/BH)



TAJUK : SINDIKET EDAR DADAH DIDALANGI WANITA THAILAND TUMPAS

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 24 OGOS 2023

M/SURAT : 22

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Antara syabu yang dirampas dalam tiga serbuan sekitar Kuala Lumpur pada 18 Ogos lalu.

Sindiket edar dadah didalangi wanita Thailand tumpas

Kuala Lumpur: Polis menumpaskan satu sindiket pengedaran dadah didalangi seorang wanita warga Thailand dalam serbuan berasingan sekitar ibu negara, Jumaat lalu dan merampas syabu dianggarkan bernilai lebih RM500,000.

Tiga siri serbuan dijalankan bermula pada jam 7 malam hingga 9.15 malam dan pada serbuan pertama, polis menahan tiga suspek di tepi jalan Taman Permata, Cheras.

Suspek terdiri daripada seorang lelaki tempatan dan dua warga Thailand, termasuk seorang wanita berusia antara 23 hingga 30 tahun.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid, berkata menerusi serbuan kedua di tempat letak kereta di Solaris Dutamas, polis menemui 15 bungkus dadah jenis syabu yang disimpan dalam sebuah kereta Nissan Sentra.

"Dadah yang ditemui itu dianggarkan seberat 15 kilogram (kg) dengan nilai pasaran dianggarkan RM520,000 dan mampu menampung penggunaan seramai 30,000 pengguna dadah.

"Hasil soal siasat ke atas tiga suspek, membawa kepada penahanan seorang wanita warga Thailand berusia 30 tahun di lobi sebuah residensi di Taman Kobena, Cheras," katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurut Allaudeen, siasatan mendapati sindiket berkenaan aktif mengedar syabu sekitar ibu kota sejak dua bulan lalu

dan modus operandi dengan menjadikan kereta sebagai tempat penyimpanan dadah sebelum diserahkan kepada pembeli.

"Turut ditangkap adalah perancang utama bagi sindiket ini iaitu seorang perempuan warga Thailand berusia 30 tahun.

"Siasatan juga mendapati, lelaki dan wanita warga Thailand yang terdahulu ditahan adalah pasangan suami isteri dan bekerja di sebuah kedai makan tom yam, manakala lelaki tempatan pula bekerja di sebuah ladang kuda di Selangor," katanya.



Allaudeen Abdul Majid

4 suspek direman

Katanya, semakan mendapati ketiga-tiga suspek tiada rekod lampau dan ujian saringan air kencing mendapati mereka positif dadah jenis methamphetamine, ketamin dan ganja.

Allaudeen berkata, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Polis Kuala Lumpur kini masih menjalankan siasatan untuk mengesan punca bekalan dadah itu diperolehi.

Selain rampasan dadah bernilai RM520,000, polis turut merampas sebuah kereta Nissan Sentra dianggarkan bernilai RM20,000 dengan nilai keseluruhan rampasan sebanyak RM540,000.

Keempat-empat suspek direman tujuh hari sehingga hari ini dan kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.



TAJUK : AIDAN PANDAI BERBAHASA INGGERIS SEJAK BERUSIA 3 TAHUN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 24 OGOS 2023

M/SURAT : 02

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Aidan pandai berbahasa Inggeris sejak berusia 3 tahun

Seremban: Status sebagai orang kurang upaya (OKU) kategori autisme bukan halangan untuk Muhammad Aidan Anaqi Muhammad Izzat, 5, memahami dan bertutur dalam bahasa Inggeris.

Ibunya, Ameera Aqeela Salleh Huddin, 33, berkata, Aidan banyak menonton video termasuk siri kartun berbahasa Inggeris dan daripada situ dapat pendedahan awal bahasa berkenaan.

"Aidan mula bercakap ketika berusia tiga tahun tetapi sebelum itu lagi sudah nampak dia cepat dan mudah tangkap ayat dalam bahasa Inggeris.

"Tapi Aidan faham bahasa Melayu, cuma juruterapi syorkan dia fokus dengan satu bahasa.

"Jadi, itu yang nampak Aidan cenderung guna bahasa Inggeris," katanya ke-



AMEERA Aqeela dan suami, Muhammad Izzat bersama Muhammad Aidan Anaqi serta dua anak lain.

tika dihubungi, baru-baru ini.

Menurutnya, Aidan mempunyai kembar, Muhammad Aryan Anaqi yang dilahirkan normal dan tidak berhadapan sebarang masalah kesihatan.

"Sejak kecil lagi sudah nampak perbezaan Aidan dan kembarnya yang mana ia semakin ketara selepas

mereka membesar.

"Antaranya adalah Aidan tidak menyahut apabila dipanggil dan tiada kontak mata ketika bercakap dengannya.

"Saya sedar masalah itu ketika Aidan berusia setahun dan terus rujuk dengan klinik kesihatan sebelum bawa dia ke pakar pediatrik waktu umurnya



MUHAMMAD Aidan Anaqi disahkan menghidap autisme ketika berusia dua tahun.

20 bulan.

"Hasil pemeriksaan lanjut, doktor sahkan Aidan menghidap autisme ketika dia berumur dua tahun enam bulan.

"Saya dan suami terima keadaan Aidan dengan hati yang terbuka, cuma sedikit dalam penafian ketika diminta untuk buat kad OKU tetapi teruskan juga (per-

mohonan) untuk kebaikan dan kemudahan anak pada masa akan datang" katanya.

Berhubung perkongsian di TikTok, Ameera Aqeela berkata, ia salah satu caranya menceritakan pengalaman membesarkan anak istimewa seperti Aidan.

"Saya kongsi di TikTok

sebab tak nak rasa macam saya seorang saja ada anak autisme dan diharap perkongsian saya boleh buka mata ibu bapa senasib.

"Setakat ini, kebanyakan reaksi diterima positif malah saya gembira kerana ramai ibu bapa sudah ambil langkah bawa anak mereka yang autisme berjumpa pakar.

"Bagaimanapun, ada juga segelintir ibu bapa masih dalam fasa penafian dan enggan membawa anak mereka yang mempunyai ciri autisme untuk berjumpa dengan pakar bagi tindakan selanjutnya.

"Saya syorkan ibu bapa yang berhadapan isu sama bawa anak mereka menjalani terapi awal sebagai alternatif untuk maju lagi ke depan," katanya yang berharap anaknya terus menunjukkan peningkatan dan boleh berdikari.



TAJUK : ALIFF LUAR BIASA

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 24 OGOS 2023

M/SURAT : 01&02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



ANAK AUTISME KUASAI 4 BAHASA

ALIFF LUAR BIASA



Di sebalik kekurangannya sebagai penghidap autisme, Mohammad Aliff Rayyan Mohammad Amin memiliki kelebihan tersendiri. Ini kerana, walaupun baru menginjak usia enam tahun, dia sudah mampu bertutur dalam empat bahasa iaitu Melayu, Inggeris, Mandarin dan Rusia. Malah, keluarganya turut terkejut dengan perkembangan itu kerana tidak pernah mengajarnya atau memberi pendedahan secara formal kepadanya. *Japor Redzuan Muharam*

‘Ingatkan merapu, rupanya cakap Rusia’

Aliff miliki kebolehan tutur empat bahasa walaupun hidap autisme

Oleh Redzuan Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my

Balik Pulau

Istimewanya Mohammad Aliff Rayyan Mohammad Amin, 6, yang mesra disapa Aliff ialah dia boleh memahami empat bahasa walaupun berstatus orang kurang upaya kategori autisme tahap ringan. Bermula dengan bahasa Melayu dan Inggeris, Aliff kemudian dapat pendedahan asas Mandarin. Terbaru, bapanya, Mohammad Amin Idris, 32, menyedari kebolehan Aliff menulis dan menyebut 33 abjad dalam bahasa Rusia selain mengingati nama model kereta negara berkenaan.

Mohammad Amin yang bekerja sebagai juruteknik berkata, dia sendiri terkejut melihat perkembangan Aliff kerana tidak pernah mengajarnya atau memberi pendedahan secara formal kepada anak sulungnya itu.

"Saya dan isteri berkomunikasi dengan Aliff dalam bahasa Melayu dan kadangkala Inggeris.

"Tapi permulaannya dulu, Aliff guna bahasa Inggeris sebelum tukar kepada Melayu manakala dia tahu asas Mandarin selepas dihantar ke sebuah tadika waktu umurnya empat tahun.

"Aliff sempat belajar di situ selama tiga bulan saja kerana tidak boleh ke sekolah selepas itu berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat Covid-19.

"Tahun lalu, dia masuk semula ke sekolah tadika swasta dan belajar macam biasa. Cuma baru-baru ini, Aliff tunjuk kebolehan barunya iaitu turut serta tulis perkataan dalam bahasa Rusia," katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Menurutnya, anaknya turut memintanya menulis huruf dan pada awalnya, dia tidak tahu itu adalah abjad dalam bahasa Rusia. "Selepas buat semakan dengan tonton video di Youtube, baru saya tahu itu adalah abjad Rusia.

"Sebelum ini, saya pernah dengar Aliff sebut (abjad Rusia) dan ingatkan dia pelat dan cakap merapu, rupanya itu bahasa Rusia. "Saya rasa dia belajar daripada tonton video di Youtube kerana memang ada beri dia guna peranti elektronik tetapi dengan pemantauan.

"Setakat ini, saya nampak Aliff obses sangat dengan kereta kerana boleh hafal model kenderaan dalam dan luar negara," katanya.

Berkongsi perihal Aliff, Mohammad Amin berkata, dia menyedari simptom awal dihadapi anaknya itu seperti lambat bercakap ketika usianya 18 bulan.

"Waktu itu, saya hantar Aliff ke rumah pengasuh dan bila panggil namanya, dia tak menyahut, jadi saya mula berasa ada tak kena kerana sebelum itu, ada seorang jururawat beritahu kemungkinan Aliff lambat bertutur atau hidap autisme.

"Saya pun mula cari mak-

lumat dan kemudian baru tahu apa itu autisme dan waktu Aliff berumur 19 bulan, saya bersama isteri sepakat jumpa pakar.

"Berituk tolak daripada situ, saya ikut saranan bawa Aliff jalani terapi pertuturan dan cara kerja dengan konsisten sehingga kini. Alhamdulillah, saya dan isteri mula nampak hasilnya," katanya.

Mohammad Amin berkata, sejak awal lagi dia sudah tanamkan dalam diri untuk menerima hakikat yang Aliff adalah anak syurga.

"Jadi, kepada ibu bapa yang senasib, jangan malu kerana anak autisme ini ada keistimewaan tersendiri.


"Memang pernah ada orang persoalan kenapa saya bawa Aliff keluar namun kita semua berkongsi di dunia yang sama.

"Anak autisme pun berhak bahagia dan sebagai bapa, saya akan terus cuba jaga amanah Allah ini dengan sebaiknya," katanya.

“Ingatkan dia pelat dan cakap merapu, rupanya itu bahasa Rusia”
Mohammad Amin



MOHAMMAD Aliff Rayyan disahkan menghidap autisme tahap ringan ketika berusia lima tahun. - FOTO Ihsan Mohammad Amin Idris



TAJUK : IBU BAPA MAIN PERANAN CORAK CARA, MEDIUM KOMUNIKASI ANAK

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 24 OGOS 2023

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Ibu bapa main peranan corak cara, medium komunikasi anak

Kuala Lumpur: Pendedahan awal boleh membantu perkembangan intelektual anak istimewa termasuk orang kurang upaya kategori autisme untuk belajar hingga boleh bertutur dengan lancar dalam sesuatu bahasa.

Demikian pandangan Pengarah Pusat GENI-US@Pintar Negara (PGPN), Universiti Kebangsaan Malaysia Prof Madya Dr Rorlinda Yusof ketika diminta mengulas mengenai kelebihan anak istimewa yang boleh bertutur dalam bahasa Inggeris dan lain-lain.

Rorlinda mengakui ada kanak-kanak istimewa diberi kelebihan dan anugerah Allah SWT daripada segi tahap intelektual yang tinggi namun peranan keluarga di peringkat awal amat penting dalam membantu mencungkil dan menyuburkan potensi golongan berkenaan.

Menurutnya, ia boleh dilakukan dengan memberi galakan dan pendedahan awal menerusi bahan bacaan dan media yang sesuai untuk kanak-kanak.

"Seandainya anak istimewa itu dapat pendedahan, bimbingan dan rangsangan awal daripada keluarga dan juga masyarakat sekitar, memang mereka boleh bertutur bahasa Inggeris dan lain-lain malah (prosesnya) lebih mudah."

"Ia kerana jika dari awal didedahkan, kanak-kanak itu boleh cepat menangkap istilah bahasa berkenaan, cuma ada juga yang sememangnya dianugerahkan ilahi dengan kelebihan berkenaan dan mereka cenderung pada kepintaran bahasa itu."

"Apa pun daripada pengalaman saya berinteraksi dengan anak pintar yang memiliki ciri-ciri autisme ini apabila ditanya, mereka beritahu kurang bergaul dengan rakan ketika kanak-kanak dan sangat suka meneroka maklumat, jadi lazimnya mereka akan teroka sendiri."

"Kebanyakan bahan bacaan, video dan permai-



Jika anak istimewa itu dapat pendedahan, bimbingan dan rangsangan awal, memang mereka boleh bertutur bahasa Inggeris dan lain-lain malah (prosesnya) lebih mudah"

Rorlinda


nan video pula dalam bahasa Inggeris, jadi ia boleh merangsang minda anak pintar istimewa ini, malah mempengaruhi slang mereka ketika bercakap," katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Meskipun begitu, Rorlinda mengesyorkan ibu bapa memainkan peranan dalam mencorak cara dan medium komunikasi anak kerana ia beri kesan kepada jangka panjang khususnya dalam aspek kemahiran bersosial serta komunikasi.

"Perkara ini (kecenderungan bahasa) perlu dilihat serius kerana kita perlu bersifat global iaitu mempunyai ciri-ciri global dan tempatan."

"Sebagai contoh, jika bapanya bertutur dalam bahasa Inggeris, sebaiknya ibu bercakap dalam bahasa Melayu yang sempurna."

"Ini kerana kita perlu sedar bahawa kita adalah orang Malaysia, sejauh mana pun kita terbang ke luar negara, bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan, lambang perpaduan yang boleh menyatukan kita semua," katanya.



TAJUK : KKM REKOD 23 KEMATIAN AKIBAT BATUK KOKOL SEJAK JANUARI

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 24 OGOS 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

KKM rekod 23 kematian akibat batuk kokol sejak Januari

Putrajaya: Sebanyak 329 kes penyakit pertussis (batuk kokol) dengan 23 kematian dilaporkan di seluruh negara sejak Januari lalu.

Terbaharu Kementerian Kesihatan (KKM) meniasat punca tiga sekeluarga di Kampung Bahagia, Rompin, Pahang, yang dijangkiti wabak pertussis.

Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa (*gambar*) berkata, siasatan awal mendapati punca jangkitan itu bermula daripada ibu sebelum menjangkiti dua anaknya, namun siasatan lanjut masih dijalankan.

"Penyakit pertussis sentiasa ada dalam negara dan ia diklasifikasikan sebagai



endemik," katanya selepas Majlis Menandatangani Nota Persefahaman (NoU) Kerjasama Strategik Bidang Kesihatan dan Kebombaan antara KKM dan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) di sini, semalam.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan Datuk

Dr Muhammad Radzi Abu Hassan dalam kenyataannya berkata, ketiga-tiga pesakit itu diberikan rawatan dan berada dalam keadaan stabil.

"Pada masa ini tiada kes baharu yang dikesan di sekitar kawasan tempat tinggal kes," katanya menerusi kenyataan mengenai situasi terkini kes pertussis (batuk kokol) di Malaysia sehingga 19 Ogos (2023).

Beliau berkata sepanjang tahun ini, sehingga Sabtu lalu (19 Ogos), sebanyak 329 kes pertussis dengan 23 kematian dilaporkan di seluruh negara.

Jumlah itu bagaimanapun menurun 52.8 peratus berbanding 697 kes yang dicatatkan dalam tempoh

sama pada 2019.

Dr Muhammad Radzi berkata, daripada 329 kes pertussis yang dilaporkan tahun ini, 219 kes atau 66.6 peratus adalah melibatkan warganegara manakala baki 110 kes adalah bukan warganegara.

Beliau berkata, bayi berumur bawah 12 bulan adalah kumpulan umur yang mencatatkan bilangan kes tertinggi iaitu 189 kes.

"Walaupun jangkitan adalah terkawal, KKM sentiasa berwaspada dan mengambil langkah sewajarnya untuk memastikan pertussis terus terkawal dan tidak menjadi masalah kesihatan utama di negara ini.

"Keutamaan KKM adalah untuk memastikan li-

putan imunisasi pertussis dalam kalangan kanak-kanak di negara ini kekal melebihi 95 peratus untuk memastikan golongan ini dilindungi daripada mendapat jangkitan," katanya menambah kanak-kanak terutama bayi adalah kumpulan yang rentan kepada jangkitan pertussis.

Di Malaysia, vaksin pertussis diberikan kepada kanak-kanak secara rutin pada umur dua, tiga, lima dan 18 bulan.


Ia diberikan dalam bentuk vaksin kombinasi enam serangkai difteria - tetanus - pertussis - polio - Hepatitis B - Haemophilus influenzae type b.

Sambil menggesa ibu bapa untuk memastikan

anak-anak mereka mendapatkan imunisasi lengkap mengikut jadual Imunisasi Kebangsaan, Dr Muhammad Radzi berkata, kanak-kanak yang tercirir imunisasi boleh dibawa ke klinik kesihatan berhampiran bagi melengkapkan imunisasi mereka.

Pertussis adalah penyakit cegahan vaksin yang disebabkan oleh bakteria Bordetella pertussis dengan kuman disebarkan melalui udara semasa pesakit bersin atau batuk dan menjangkiti mulut, hidung dan tekak.

Gejala pertussis adalah batuk berpanjangan dalam tempoh satu hingga dua minggu dan boleh berlarutan sehingga dua bulan.



TAJUK : MAUT TERCEKIK BUAH RAMBUTAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 24 OGOS 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Maut **tercekik** buah rambutan

Budak perempuan sembilan tahun disahkan meninggal akibat salur pernafasan tersumbat

Kuantan

Seorang kanak-kanak perempuan berusia sembilan tahun maut dipercayai akibat tercekik buah rambutan, Isnin lalu.

Ketua Polis Daerah Maran Deputy Superintendan Norzamri Abd Rahman berkata, mangsa, Nur Iman Fitriah Muhamad Nizam disahkan meninggal dunia oleh Klinik Kesihatan Pekan Tajau, Maran sekitar jam 8 malam.

"Doktor di klinik berkenaan mengeluarkan buah rambutan dari mulut mangsa sebelum jenazah dibawa ke Hospital Jengka untuk bedah siasat.

"Bedah siasat pada awal

pagi tadi (kelmarin) mengesahkan kematian mangsa akibat salur pernafasan tersumbat disebabkan oleh sesuatu objek," katanya semasa dihubungi, kelmarin.

Norzamri berkata, polis mengklasifikasikan kematian mangsa yang beralamat di Kampung Sungai Ling Luar, Maran sebagai mati mengejut.

Jenazah mangsa yang juga pelajar tahun tiga Sekolah Kebangsaan Paya Pasir selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Bukit Cempedak, Maran, kelmarin. - Bernama





TAJUK : TAK PERNAH SERIK!

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 24 OGOS 2023

M/SURAT : 11

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Tak pernah serik!

Bekas banduan nafi tiga pertuduhan termasuk cubaan rogol

Oleh Muhammad
Zulsyamini Sufian Suri
am@hmetro.com.my

Taiping

Seorang bekas banduan yang baru dua bulan dibebaskan dari penjara mengaku tidak bersalah ketika dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tiga pertuduhan termasuk cubaan merogol seorang wanita warga emas, minggu lalu.

S Saaran, 32, membuat pengakuan tidak bersalah itu sejurus ketiga-tiga pertuduhan dibacakan dalam bahasa Tamil di hadapan Hakim Nabisha Ibrahim.

Berdasarkan kertas pertuduhan, lelaki itu dituduh melakukan cubaan rogol terhadap seorang warga emas berumur 75 tahun di ruang tamu sebuah rumah di Lorong 14 Taman Assam Maju di sini, kira-kira jam 8.30 pagi 15 Ogos lalu.

Tertuduh melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh dipenjarakan maksimum 20 tahun dan se-

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh dijamin dengan seorang penjamin RM20,000 bagi kes cubaan rogol dan RM10,000 bagi kes rompakan.

batan, selain turut dibaca bersama Seksyen 511 Kanun yang sama.

Saaran turut dituduh merompak menggunakan senjata dengan menyebabkan kecederaan ke atas warga emas itu pada masa, tempat dan tarikh yang sama.

Berdasarkan pertuduhan kedua itu, dia didakwa melakukan rompakan bersenjatakan pisau terhadap harta milik mangsa iaitu wang tunai RM10 dan rantai emas serta dengan sengaja menyebabkan kecederaan ke atas warga emas itu.

Bagi perbuatan itu ia boleh dihukum mengikut Seksyen 394 Kanun Keseksaan (KK) dibaca, yang sabit kesalahan memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda atau sebatan, selain turut dibaca bersama Seksyen 397 Kanun yang sama.


Bagi perbuatan itu, tertuduh melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 392 KK yang jika sabit kesalahan memperuntukkan hukuman penjara sehingga 14 tahun dan denda atau sebatan, selain turut dibaca bersama Seksyen 397 Kanun yang sama.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Syuhada Muhammad Lutfi manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Bagi kes cubaan rogol, Nur Syuhada menawarkan jaminan RM30,000 berserta syarat tambahan iaitu tertuduh tidak boleh mendekati mangsa manakala bagi kes merompak bersenjata menawarkan jaminan RM20,000 beserta syarat tambahan yang sama.

Mahkamah kemudiannya membenarkan tertuduh dijamin dengan seorang penjamin RM20,000 bagi kes cubaan rogol dan RM10,000 bagi kes rompakan serta syarat tambahan iaitu tertuduh tidak boleh mengganggu mangsa serta saksi dalam kes berkenaan sehingga kes selesai.

Mahkamah juga menetapkan 25 September sebagai tarikh sebutan semula kes untuk pengurusan kes termasuk cubaan merogol seorang wanita warga emas. - Gambar NSTP/MUHAMMAD ZULSYAMINI SUFIAN SURI



SAARAN dibawa ke Mahkamah Sesyen Taiping atas tiga pertuduhan termasuk cubaan merogol seorang wanita warga emas. - Gambar NSTP/MUHAMMAD ZULSYAMINI SUFIAN SURI



TAJUK : UJIAN BERAT BUAT IBU DUA ANAK

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 24 OGOS 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Ujian berat buat ibu dua anak

Ulang alik tiga kali sebulan dari Kedah ke HKL demi rawatan zuriat hidap barah sejak usia 3 tahun

Oleh Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Alor Setar

“Selagi masih hidup, saya akan menjaga kedua-dua anak saya ini walaupun mereka menghidap penyakit kronik.”

“Namun saya buntu memikirkan masalah kewangan selain ujian penyakit yang mereka alami hinggan saya mengalami kemurungan serta berat badan susut,” kata Nur Syazwani Ramli, 31.

Menurut Nur Syazwani, anak sulungnya, Puteri Saidatul Nisa Mohamad Zamzury, 10, menghidap penyakit jantung sejak lahir manakala anak bongsunya, Puteri Izzatunnisa, 6, menghidap barah buah

pinggang tahap empat sejak berusia tiga tahun.

Nur Syazwani berkata, barah itu berada di atas buah pinggang menyebabkan pada mulanya perut anaknya buncit.

Katanya, Puteri Saidatul Nisa menjalani rawatan sulung di Hospital Kuala Lumpur (HKL) tiga kali sebulan dengan menaiki bas ekspres.

“Setiap kali ke HKL, saya perlu sekurang-kurangnya RM300 untuk kos tambang, makan dan minum serta bil bayaran hospital, saya buntu.

“Hinggakan saya pernah tebakkan muka meminjam duit daripada rakan untuk menjelaskan bayaran hospital,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Taman Sri Tandop, Jalan Ampang

Empat, di sini semalam.

Menurutnya, dia terpaksa menghentikan sementara rawatan untuk anak sulung di Pulau Pinang sejak 2017 kerana mengutamakan rawatan untuk anak bongsu terlebih dulu.

Katanya, suaminya, Muhamad Zamzury Md Znan, 29, hanya pembantu kedai dengan pendapatan RM1,500 sebulan.

“Banyak duit nak digunakan. Duit bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) setiap

“Setiap kali ke HKL, saya perlu sekurang-kurangnya RM300 untuk kos tambang, makan dan minum serta bil bayaran hospital, saya buntu. Hinggakan saya pernah tebakkan muka meminjam duit daripada rakan untuk menjelaskan bayaran hospital,”

Nur Syazwani

bulan pun tidak cukup untuk kehidupan kami.

“Setiap kali saya ke HKL, saya tinggalkan anak sulung kepada jiran dan kalau Izzatul (adik) masuk wad, si kakak memang duduk dengan jiran sebab dia bersekolah dan ada kelas Kafa,” katanya.

Nur Syazwani berkata, akibat

masalah yang dialaminya itu, dia terpaksa menjalani rawatan psikiatrik di hospital kerana kerap kemurungan serta sering marah pada anak akibat masalah

kewangan.

“Mujur saya dapat menghubungi Pengerusi Cancer Survivors Malaysia (CSM), Zuraini Kamal, ada juga sumbangan yang dia bagi sebelum ini,” katanya.

Orang ramai yang ingin menyalurkan bantuan boleh menyalurkan sumbangan melalui akaun Nur Syazwani 7610119295 (Bank CIMB).


Sementara itu, Zuraini berkata, CSM bersedia membantunya sekiranya Nur Syazwani memerlukan sokongan kepadanya melalui ujian perit ini selain

orang ramai membantu keluarga ini menyalurkan sumbangan.



ZURAINI (Kiri) menyantuni dan menyampaikan sumbangan kepada Nur Syazwani.

NUR Syazwani bersama Puteri Saidatul Nisa (kiri) yang menghidap penyakit jantung manakala Puteri Izzatunnisa (kanan) menghidap barah buah pinggang tahap empat.



TAJUK : COUPLE'S DEATH SENTENCE COMMUTED TO 40 YEARS' JAIL

HARI : KHAMIS

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 24 OGOS 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

DAUGHTER'S MURDER

Couple's death sentence commuted to 40 years' jail

PUTRAJAYA: A married couple escaped the gallows when the Court of Appeal yesterday commuted their death sentence to a maximum jail term of 40 years for murdering their daughter.

A three-member bench — comprising judges Datuk Hadhariah Syed Ismail, Datuk Ahmad Zaidi Ibrahim and Datuk S.M. Komathy Suppiah — upheld the conviction of Anuar Yusof and his wife Murni Ahmad for the offence and ruled that their appeals had no merit.

Hadhariah, who delivered the court's unanimous decision, said the court found there was overwhelming evidence that Siti Hajar, 22, died due to the acts by the couple, who are her father and

stepmother, by neglecting, abusing and starving her for three to six months.

She, however, set aside the death sentence imposed on the couple by the High Court and substituted it with an imprisonment of 40 years and ordered them to begin their jail sentence from the date of their arrest on April 26, 2016.

Anuar, 57, and Murni, 42, were found guilty by the High Court in 2021 for murdering Siti Hajar in a house in Chukai on April 26, 2016. They were sentenced to death, prompting them to appeal to the Court of Appeal.

Two of their children, Siti Sarah Anuar and her brother (who was 14 at the time of the incident)

were also charged with murdering Siti Hajar, but they were acquitted and discharged by the High Court.


The prosecution filed an appeal but it was struck out on Jan 10 last year.

Siti Hajar weighed around 18kg when she died.

The deceased was staying with her biological father and stepmother, an older sister and a younger brother in a rented house since 2008.

The facts of the case revealed that Siti Hajar was emaciated with no flesh and only skin and bones.

She had wounds on the head and bruises on the body, including her anus. **Bernama**



TAJUK :	EX-CONVICT CHARGED WITH ATTEMPTED RAPE AND ARMED ROBBERY		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	24 OGOS 2023	M/SURAT :	12
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

BAIL SET AT RM30,000

Ex-convict charged with attempted rape and armed robbery

TAIPING: A former convict, who was just released from prison two months ago, was charged in the Sessions Court here yesterday with the attempted rape of an elderly woman and armed robbery.

S. Saaran, 32, claimed trial to all charges read before judge Nabisha Ibrahim.

On the first charge, he is accused of attempting to rape a 75-year-old senior citizen in the living room of a house in Taman Assam Maju, here, about 8.30am on Aug 15.

On the second charge, Saaran, armed with a knife, allegedly robbed the same woman of RM10 and a gold necklace, causing injury at the same place, time and date.

On the third charge, Saaran allegedly robbed the elderly woman's son-in-law, 55, of RM5,000 and a Honda car at the same

place, time and date.

Deputy public prosecutor Nur Syuhada Muhammad Lutfi prosecuted and the accused was unrepresented.

For the attempted rape charge, Nur Syuhada proposed that bail be set at RM30,000 with an additional condition that the accused must stay away from the victim.

For the armed robbery charges, she proposed the bail be set at RM20,000 with the same additional condition.


During mitigation, Saaran pleaded for a lower bail as he was jobless and had just got out of prison two months ago.

Nabisha set bail at RM30,000 for all charges with one surety and ordered the accused to stay away from the victim and witnesses in the case. She also set Sept 25 for mention.



S. Saaran claimed trial in the Taiping Sessions Court yesterday to charges of attempted rape of an elderly woman and armed robbery.

PIC BY MUHAMMAD ZULSYAMINI SUFIAN SURI



TAJUK : SABAH PLANNING SCHOOL FOR CHILDREN WTH AUTISM

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 24 OGOS 2023

M/SURAT : 12

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Sabah planning school for children with autism

KOTA KINABALU: Plans are under way to set up a school for children with autism this year, says state Community Development and People's Well-being Minister Datuk James Ratib.

He said the Sabah government hopes to get a pilot project off the ground by the end of the year with the state Welfare Department funding it.

A working paper on it is being prepared for the state Cabinet to consider the proposal, he added.

Ratib said there are some 14,000 children with autism in Sabah and it is necessary for the state to help address the issue, especially in providing a school for them.

"Setting up such a school will help because fees at private schools for special needs children

are very expensive.

"The move to set up the school will help ease the financial burden of parents with autistic children," he said during the installation of the Sabah Association of Senior Citizens here yesterday.

On the alleged abuse of a four-year-old boy at a childcare centre in Luyang here two weeks ago, Ratib said the matter is under

police investigation. "We are monitoring the issue as it is a very serious matter," he said.

In the meantime, he said, the Welfare Department is making arrangements with all childcare operators to brief and update them on the need to constantly ensure children under their care are safe.

"The department and authori-

ties will also carry out spot checks at registered childcare centres."

Ratib also said a hotline may be set up for people to complain about childcare centres.

A 27-year-old caregiver was arrested by the police in connection with the boy's abuse at the centre after CCTV footage showed the assault. The parents had lodged a report.